

- 73 Zalina mengambil se_____ kertas lalu menulis surat kepada kawannya.
A helai
B buah
C tangkai
D naskhah

- 74 Tapak kaki Johan luka kerana _____ serpihan kaca semasa membersihkan semak samun di belakang rumahnya.
A terhiris
B tertikam
C tertusuk
D terlanggar

- 75 Adila tidak mempunyai ramai kawan kerana dia seorang yang _____.
A penakut
B pengecut
C pendiam
D periang

B Aspek Mengenal Pasti Kesalahan

Soalan 76 hingga 80

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 76 Kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak _____
A
RM70 000 kepada setiap sekolah di seluruh negara
B
untuk membaihpulih tandas. Tiada kesalahan
C D

- 77 Bidang penyelidikan dan pembangunan perlu _____
A
ditingkatkan untuk memajukan lagi sector pertanian
B C
di negara kita. Tiada kesalahan
D

- 78 Naquib bersyukor kerana permohonan biasiswanya _____
A B
untuk melanjutkan pengajian dalam bidang kejuruteraan di Jerman telah diluluskan.
C
Tiada kesalahan
D

- 79 Puan Ana menggunakan peluntur semasa mencuci _____
A
baju sekolah anaknya untuk menghilangkan _____
B
kotoran degil. Tiada kesalahan
C D

- 80 Cikgu Hanafi menerangkan kepada kanji bagaimana _____
A B
membina ayat yang gramatikal dengan paya bahasa _____
C
yang menarik. Tiada kesalahan
D

C Aspek Menggunakan Kata Mengikut Konteks Ayat

Soalan 81 hingga 85

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuraf condong dengan betul.

- 81 I Hubungan Zikri dan Sahar memang jati kerana mereka tetap berhubung walaupun bertahun-tahun tidak berjumpa.
II Pak Ismail menebang sebatang pokok jati yang tumbuh di atas tanah miliknya untuk dibuat lantai rumah.
III Orang asli ialah penduduk jati pulau itu.
IV Mesin pengisar buah-buahan itu merupakan ciptaan jati Hafiz.

- A I dan II C I, II, dan III
B II dan III D II, III dan IV

- 82 I Peristiwa disengat lebah sewaktu mencari pucuk paku di hutan masih segar dalam ingatanaku.
II Keadaan Fatima segar kembali setelah mengambil cuti dan berehat selama tiga hari.
III Ikan-ikan yang baru dibawa naik ke darat oleh nelayan itu sungguh segar.
IV Murid yang pengsan itu sudah segar setelah diberikan rawatan kecemasan.

- A I dan II C I, II, dan III
B II dan III D II, III dan IV

- 83 I Puan Zakiah mengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Lata Merbah.
II Pak Cik Busu mengajar cucu-cucunya agar berjimat cermat semasa berbelanja.
III Pengalaman dilanggar kereta mengajar Mohd Ilham agar berhati-hati di jalan raya.
IV Encik Nasir mengajar Matematik untuk murid tingkatan lima dan tingkatan empat.

- A I dan II C I, II dan III
B II dan III D I, II dan IV

- 84 I Gusi Hanan menjadi lali setelah doktor mencucuk ubat bius sebelum mencabut giginya.
II "Saya sudah lali dengan perangnya yang panas baran itu," kata Zuraida.
III Ibu menidurkan adik di dalam buaian setelah melihat matanya yang sudah lali.
IV "Saya terus lali apabila seekor anjing liar mengejar saya," kata Ah Seong.

- A I dan II
B II dan III
C I, II, dan III
D II, III dan IV